

**TEKS KATA ALUAN**

**MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA  
YB DATO' SHAZIMAN BIN ABU MANSOR**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI  
KEMENTERIAN KERJA RAYA 2009**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS

**Y.BHG DATUK THOMAS GEORGE**  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA

**Y. BHG PUAN SRI ZAITON BINTI MHAD ALI**  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (OPERASI)

**Y. BHG DATO' HAJI NASIR BIN MAT DAM**  
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN)

**Y.BHG DATO' SERI PROF. IR. DR. JUDIN BIN ABD. KARIM**  
KETUA PENGARAH KERJA RAYA

**Y.BHG DATO' IR. HAMZAH BIN HASAN**  
KETUA EKSEKUTIF  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)

**Y.BHG DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH**  
KETUA PENGARAH  
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)

**Y.BHG TUAN IR. AHMAD ‘ASRI BIN ABDUL HAMID**

**PRESIDEN PUSAT PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL  
(PSDC)**

**DATO’-DATO’, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN WARGA KERJA RAYA  
HADIRIN SEKALIAN.**

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada pihak kementerian kerana telah sudi menjemput saya ke majlis ini. Sesungguhnya majlis ini adalah satu majlis yang amat bermakna untuk kita semua sebagai warga kementerian untuk bersama-sama meraikan Sambutan Aidilfitri Peringkat KKR. Saya percaya setelah mengharungi sebulan berpuasa, kita semua telah diberi kesempatan oleh Allah s.w.t untuk menyambut hari lebaran bersama-sama keluarga tersayang. Sesungguhnya Majlis seperti ini merupakan satu wadah dan cara bagi memupuk sikap saling memahami dan bertolak ansur sesama kita. Aidilfitri juga memberi kesempatan kepada kita untuk saling bermaaf-maafan dan mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin. Kita perlu teruskekalkan semangat muhibbah dan permuafakatan ini kerana saya yakin, inilah yang akan menjadi tunjang kekuatan kita untuk terus kekal hidup aman dan makmur. Jika ada diantara kita sedikit perselisihan faham selama ini, inilah masa yang terbaik untuk kita memulakan lebaran baru, saling bermaafan dan mengambil peribahasa lama, “ **Buang yang Keruh Ambil Yang Jernih**”.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan kedatangan ahli-ahli panel Anugerah Kecemerlangan Sektor Awam (AKPM) 2009 Saya mewakili KKR dan sebagai ketua keluarga di sini

mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua ahli-ahli panel yang sudi datang bersama-sama untuk memeriahkan majlis kita pada hari ini. Marilah kita sama-sama berdoa supaya kemenangan akan berpihak kepada KKR, insyaallah.

Tuan- tuan, puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Untuk menjadi organisasi yang terbilang, kunci utama ialah tidak lain dan tidak bukan, iaitu kerjasama dan bersatu tidak mengira pangkat bangsa, agama dan fahaman politik. Mungkin anata kita ada beberapa kelemahan dan cacat celanya, tetapi jika kita bersama dan bersatu segala kelemahan tersebut akan berubah menjadi satu kelebihan. Mudahan-mudahan dengan komitmen yang padu semua pihak tanpa mengira kaum akan dapat menjadi penggerak bagi mempercepatkan kejayaan 1Malaysia selaras dengan cita-cita negara seperti yang terkandung dalam Wawasan 2020.

4. Keunikan di Malaysia adalah keharmonian masyarakat berbilang bangsa yang hidup bersama berkongsi segalanya terutamanya budaya. Sebab itulah dalam konteks perayaan, kita dapat lihat semua bangsa bersama-sama memeriahkan sambutan hari Raya Aidilfitri dan perkara juga turut berlaku pada perayaan Tahun Baru Cina , Hari Deepavali. ataupun Krismas. Dalam konteks Satu Malaysia, budaya perkongsian dan muafakat perlu diamalkan dan bukan sekadar di dalam konteks perkongsian perayaan malah setiap amalan dan kehidupan sehari-hari kita perlulah dikongsi bersama agar kemanan dan kestabilan negara terus kukuh dan harmoni selamanya.

5. sepanjang sebulan umat islam berpuasa, kita telah berjaya melakukan amalan puasa dengan jayanya dan saya berharap amalan-

amalan baik ini yang te;ah kita amalkan sepanjang Bulan Ramadhan dapat diteruskan untuk bulan-bulan berikutnya dan mungkin terus menjadi amalan kita setiap masa. Jika di bulan puasa kita boleh bersifat sabar mengapa tidak selepas Ramadhan pun kita mempraktikkan sifat yang sama. Saya berharap karektor atau sikap kita tidak berubah kepada yang negatif selepas berlalu bulan Ramadhan ini. Mungkin ramai diantara kita yang sudah ataupun bakal menganjurkan rumah terbuka hari raya dan sebagainya. Amalan ini adalah amalan mulia untuk kita mengeratkan siraturrahim sesama kita tetapi pada masa yang sama kita perlu menghindari amalan membazir dan berbelanjalah mengikut keperluan dan kemampuan, dan elakalah sikap membazir.

Tuan- tuan, puan-puan yang dihormati sekalian,

6. Saya tidak bercadang untuk bercakap panjang, memandangkan juadah di depan mata yang lama menunggu kita semua. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI , MAAF ZAHIR BATIN daripada saya dan keluarga dan juga pegawai-pegawai saya di Pejabat Menteri Kerja Raya untuk semua warga KKR.
7. Dengan itu saya, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, merasmikan majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Kementerian Kerja Raya 2009 pada hari ini.
8. Terima kasih.